

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS TAHUN 2020**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI MOHD ANUAR MOHD  
TAHIR [ TEMERLOH ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah inisiatif Jaminan Makanan (*Food Security*) untuk meningkatkan pengeluaran daging dan susu negara di kalangan golongan muda, penternak dan pemain industri sedia ada. Mohon penjelasan tentang status dan inisiatifnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah memfokuskan kepada jaminan sekuriti makanan negara bagi bahan makanan asas termasuk pengeluaran daging dan susu seperti yang termaktub dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN) dan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani : Prioriti & Strategi 2019 – 2020. Pelbagai inisiatif telah direncanakan yang turut melibatkan golongan muda, penternak dan pemain industri bagi memastikan bekalan daging dan susu dalam negara terus ditingkatkan.
2. MAFI melalui Unit Agropreneur Muda telah merencana Program Agropreneur Muda khusus untuk para belia. Melalui program ini, para belia dibantu dengan geran *in-kind contribution* dan pembiayaan mudah serta latihan teknikal dengan sasaran 1,200 orang agropreneur muda berumur 18 hingga 40 tahun bagi tahun 2020.
3. Secara umumnya, program ini menawarkan perkhidmatan dan bantuan seperti berikut: -
  - i. Menyediakan Geran Agropreneur Muda berbentuk barang sehingga RM20,000 bagi setiap projek;
  - ii. Menyediakan bantuan modal melalui Pakej Pembiayaan Khas Agrobank dan TEKUN Nasional sehingga RM200,000 bagi projek pengembangan; dan
  - iii. Menyediakan kursus jangka pendek dan khidmat nasihat teknikal dan kewangan melalui jabatan/agensi berkaitan di bawah Kementerian.
4. Program Agropreneur Muda ini merangkumi semua sektor termasuk ternakan seperti lembu, kambing, ayam kampung, itik dan perkhidmatan sokongan serta input pertanian.

5. Secara keseluruhan bagi sektor ternakan, seramai 1,259 orang agropreneur muda seluruh negara telah menerima kelulusan Geran Agropreneur Muda dari 1 Januari 2016 hingga 15 November 2020 yang berjumlah RM26.3 juta.

6. Selain itu, antara inisiatif MAFI melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang melibatkan pemain industri sedia ada adalah seperti berikut: -

- i. Program Pelan Pembangunan Industri Ruminan (PROPER) dalam Rancangan Malaysia KeSebelas (RMKe-11) bertujuan bagi meningkatkan populasi ternakan ruminan yang melibatkan pemberian geran pemanfaatan bagi kos belian ternakan dan peternak pelru untuk menjalankan *corporate social responsibility* (CSR) untuk membangunkan seorang penternak baru;
- ii. Projek EPP5 (Integrasi Lembu di Ladang Kelapa Sawit) untuk lembu pedaging bermula pada tahun 2011 dan berakhir pada tahun 2020 dilaksanakan melalui pemberian Corporate Social Responsibility (CSR) oleh syarikat peneraju yang dilantik untuk pengagihan kepada penternak kecil;
- iii. Projek *Entry Point Project 13* (EPP13 Kluster Tenusu) yang mula dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMK-10) dan telah membantu seramai 390 penternak tenusu yang mendapat insentif untuk meningkatkan pengeluaran susu di samping meningkatkan pendapatan; dan
- iv. Program Pembangunan Industri Tenusu Negara yang mula dilaksanakan sejak tahun 2017, yang mana salah satu skop di bawah Program ini ialah Transformasi Usahawan Berskala Besar dan insentif yang ditawarkan adalah berupa ternakan serta peralatan berkaitan tenusu.

Sekian, terima kasih.